

09/05/2003

Kelayakan panel Anugerah Belia Negara diragui

Belia Wawasan

PADA 15 Mei ini, kita akan menyambut Hari Belia Negara 2003. Di antara agenda sebagai pengisian hari berkenaan adalah Anugerah Belia Negara (ABN).

Pelbagai kategori dipertandingkan seperti kepemimpinan, pertubuhan belia, kemahiran dan keusahawanan. Pada pandangan saya, usaha ini baik sebagai mengiktiraf kemampuan dan kejayaan belia dalam bidang berkaitan.

Tahun ini saya bertuah kerana dapat melihat cara panel membuat penilaian terhadap calon ABN kategori keusahawanan.

Bukanlah niat untuk merendah-rendahkan keupayaan panel anugerah tetapi ada kelemahan yang kadang kala menimbulkan persoalan apakah matlamat penilaian sebenar ABN akan tercapai sepenuhnya.

Di sini, saya hanya ingin mengulas kategori keusahawanan yang saya sendiri saksikan (walaupun difahamkan kategori lain menghadapi masalah yang hampir sama).

Pertama, bagi kategori keusahawanan sewajarnya majoriti ahli panel adalah usahawan berpengalaman dalam selok-belok perniagaan. Barulah mereka memahami realiti perniagaan dan bukannya bersifat retorik serta teori. Malah perniagaan mereka juga mestilah 'lebih besar dan baik' daripada calon yang dinilai.

Malangnya, hampir semua yang datang menilai adalah mereka yang langsung tidak pernah berniaga.

Kedua, ada panel yang datang langsung tidak bertanya sebarang soalan. Ini kerana secara fizikalnya pun dapat dilihat bahawa pegawai muda Kementerian Belia dan Sukan (KBS) itu masih mentah hal sebegini. Mereka hanya menggeleng-gelengkan kepala apabila diminta ketua panel bertanyakan soalan.

Ketiga, banyak soalan sensitif dan lari daripada topik penilaian seperti masalah sumbangan syarikat kepada pertubuhan belia. Mereka seperti pegawai Badan Pencegah Rasuah apabila bertanya mengenai derma syarikat kepada pertubuhan dan kegiatan belia. Contohnya, mereka ingin tahu jumlah dan buktinya sekali. Apakah motif soalan seumpama ini?

Keempat, seolah-olah dikenakan syarat penyertaan dalam pertubuhan belia sebagai faktor penilaian. Contohnya, calon diingatkan supaya bergiat cergas dan memegang jawatan dalam pertubuhan belia sekiranya diterima sebagai pemenang anugerah.

Persoalannya, adakah semestinya kita memegang jawatan dalam pertubuhan belia jika ingin memberikan sumbangan? Apa yang berlaku sekarang, banyak pemegang jawatan dalam pertubuhan belia memulakan perniagaan selepas memegang jawatan kerana pengaruh yang ada.

Kelima, persoalan perniagaan yang diajukan tidaklah begitu mencabar. Contohnya, soal hal ehwal antarabangsa langsung tidak ditanya. Sedangkan

calon berurusan sehingga peringkat antarabangsa. Mungkin ada penilai (kecuali Ketua Panel) mempunyai mentaliti yang jauh lebih rendah daripada calon yang dinilai.

Akhirnya, barulah saya menyedari kenapa calon yang dinilai tidak begitu berminat menyertai anugerah sebelum ini.

Barulah saya faham politik di sebalik anugerah seumpama ini. Saya bimbang kalau tersalah pilih calon. Ini kerana perayaan tahun ini memberi penghormatan terakhir kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum berundur pada Oktober depan.

Penyampaian anugerah adalah simbolik beliau meninggalkan amanah masa depan kepada belia untuk meneruskan perjuangan yang belum selesai.

Oleh itu, pada masa depan KBS mestilah mendapatkan panel penilai yang lebih berkaliber untuk membuat penilaian dan bukannya sekadar tangkap muat atau kerana desakan pihak tertentu.

BELIA WAWASAN,
Kuala Lumpur.